

02 APR 1999

Mahkamah-Anwar (Mahathir)

DR MAHATHIR KEMUKA PEMBELAAN TERHADAP SAMAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan pembelaan terhadap saman menuntut RM100 juta yang dikemukakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap beliau.

Kenyataan pembelaan itu dikemukakan oleh Tetuan Shearn Delamore and Co. pada 22 Mac, 1999 di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di Wisma Denmark.

Anwar, 51, yang juga bekas Menteri Kewangan, mendakwa bahawa Dr Mahathir telah memfitnahnya secara lisan pada persidangan media yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri pada 22 Sept tahun lalu.

Dalam pembelaannya, Dr Mahathir berkata perkataan yang dikatakan fitnah itu disiarkan atas sifatnya sebagai Perdana Menteri Malaysia dan berdasarkan perlindungan bersyarat.

Beliau berkata perkataan-perkataan itu disiarkan berlandaskan kepercayaan secara jujur tentang kebenaran perkataan-perkataan itu dan bukan disiarkan secara semberono tanpa mengambil kira sama ada perkataan-perkataan itu mempunyai kebenaran atau tidak.

Dr Mahathir juga menafikan yang perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah itu bertujuan untuk memburuk-burukkan Anwar atas sifatnya sebagai persendirian atau rasmi.

Beliau mengaku bahawa persidangan media diadakan di pejabat beliau yang dihadiri oleh wartawan tempatan dan asing pada 22 Sept tahun lalu dan berkata beliau menuturkan perkataan-perkataan itu semasa menjawab soalan seorang wartawan tentang sebab-sebab mengapa Anwar dipecat daripada jawatan.

Dr Mahathir berkata perkataan-perkataan itu terbit dalam perbincangan yang menyentuh hal-hal kerajaan dan politik membabitkan Anwar bersabit dengan kelayakannya bagi jawatan-jawatan yang disandang dan selepas siasatan dijalankan terhadap perkara itu.

Dr Mahathir menafikan yang beliau menuturkan perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah itu kerana beliau tahu bahawa ia akan disiarkan dalam media tempatan dan antarabangsa termasuk akhbar The Sun, Newsweek dan CNN International.

Dr Mahathir berkata beliau memandang berat bahawa sebab-sebab pemecatan Anwar dari Kabinet harus diberitahu dan menegaskan bahawa bekas timbalannya itu tidak berhak bagi apa-apa ganti rugi, sama ada pampasan atau ganti rugi contoh atau lain-lain.

Justeru itu, Dr Mahathir meminta mahkamah menolak saman Anwar dengan kos.

Anwar mempunyai tempoh sehingga 5 April untuk menjawab pembelaan Perdana Menteri.

Jika tidak, Dr Mahathir berhak untuk mengemukakan permohonan bagi membatalkan saman dan pernyataan tuntutan yang dipinda mengikut Peraturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Selain ganti rugi, kos dan refif lain yang difikirkan patut oleh mahkamah, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada mengeluarkan apa-apa lagi kenyataan berunsur fitnah terhadapnya.

Dalam pernyataan tuntutan yang dipinda, Anwar berkata Dr Mahathir secara palsu dan berniat jahat bercakap kepada media tempatan dan antarabangsa dengan menyentuh perkara-perkara membabitkannya atas sifatnya sebagai timbalan perdana menteri.

Beliau berkata perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah itu dituturkan

oleh Dr Mahathir dengan maksud untuk memburuk-burukkannya atas sifat individu dan rasmi termasuk sebagai TPM dan Menteri Kewangan.

Anwar berkata, perkataan-perkataan itu disiarkan dalam akhbar The Sun tertarikh 23 Sept 1998 di bawah tajuk "Anwar's behaviour despicable: PM" yang diedarkan secara meluas di Malaysia.

Ia juga disiarkan dalam majalah Newsweek bertarikh 5 Okt, 1998 di bawah tajuk "Here's Mud in Your Face - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even Washington's", kata beliau.

Anwar berkata perkataan-perkataan itu juga disiarkan menerusi televisyen melalui CNN International dan stesen televisyen dan radio lain di seluruh dunia.

Anwar mendakwa bahawa akibat penerbitan dan penyiaran perkataan-perkataan fitnah itu, nama baik, perwatakan dan reputasinya telah tercemar, baik di dalam negara mahupun antarabangsa.

Anwar juga menyaman Sun Media Corporation Sdn Bhd, menuntut sebanyak RM100 juta lagi sebagai ganti rugi kerana fitnah berhubung artikel yang disiarkan dalam akhbar itu.

Anwar, yang dipecat daripada Kabinet pada 2 Sept, 1998, kemudian didakwa atas lima tuduhan melakukan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat di Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Tinggi akan menyampaikan keputusan terhadap empat daripada tuduhan rasuah itu pada 14 April dan tuduhan lain belum didengar.

-- BERNAMA
SBB FAZ